

## Dana Universal Life Allianz III Lembaran Fakta Dana

### Dana Universal Life Allianz III

#### 1. Nama Dana

##### Dana Universal Life Allianz III

Dana Universal Life Allianz III adalah dana berasingan yang merupakan sebahagian daripada dana tanpa penyertaan, dan aset dalam Dana ini adalah 'dipagar' ('ring-fenced').

#### 2. Objektif Pelaburan

Dana ini bertujuan untuk memberikan pulangan yang stabil dalam jangka masa panjang dengan melabur dalam sekuriti pendapatan tetap.

#### 3. Pendekatan & Strategi Pelaburan

Dana ini akan melabur dalam pelbagai sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang. Dana ini juga boleh melabur dalam Skim Pelaburan Kolektif (CIS) yang sesuai dengan objektif pelaburan Dana.

Keputusan pelaburan akan berdasarkan gabungan:

- Analisis atas-bawah persekitaran makro ekonomi untuk menentukan pengalihan aset dan strategi pendedahan sektor dan
- Analisis bawah-atas untuk pemilihan kredit yang merangkumi analisis kuantitatif dan kualitatif.

#### 4. Pengalihan Aset

Dana ini akan melabur sehingga 98% daripada Nilai Aset Bersih Dana di dalam sekuriti pendapatan tetap dengan minima 2% di dalam aset cair bagi keperluan kecairan.

Sekuriti pendapatan tetap adalah termasuk bon koporat dan hutang alternatif untuk peningkatan hasil dan bon asing untuk kepelbagaian

#### 5. Tanda Aras Prestasi

Kadar Deposit Tetap 12-bulan Maybank

Maklumat lanjut mengenai tanda aras boleh diperolehi dari Maybank [maybank2u.com.my](http://maybank2u.com.my).

#### 6. Pengurus Dana

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad

#### 7. Caj Pengurusan Dana

Caj Pengurusan Dana bulanan adalah seperti berikut:

Pulangan Pelaburan Kasar (sebulan) Sebelum Cukai	Caj Pengurusan Dana Semasa (sebulan)
Kurang daripada 0.416%	0.0667%
0.416% dan ke atas	0.0833%

Caj Pengurusan Dana maksimum adalah 0.0833% sebulan (bersamaan dengan 1.0% setiap tahun). Allianz Life berhak untuk mengubah Caj Pengurusan Dana dengan memberi Pemegang Polisi sekurang-kurangnya tiga (3) bulan notis bertulis.

#### 8. Risiko-risiko utama pelaburan dalam Dana dikenal pasti seperti yang berikut:

- Risiko Pasaran
- Risiko Kadar Faedah
- Risiko Pelaburan Negara/Pelaburan Asing
- Risiko Mata Wang
- Risiko Sektor
- Risiko Khusus Syarikat
- Risiko Kredit dan Lalai
- Risiko Kecairan

#### 9. Prosedur Pengurusan dan Pengawasan Risiko

Di samping had pengawalseliaan yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia, Allianz Life telah menetapkan had pelaburan dalaman yang ketat untuk semua kelas aset untuk memastikan bahawa Dana ini tidak mengambil risiko yang berlebihan, sementara mengenali bahawa jumlah risiko yang berkaitan dengan melabur dalam Dana tidak boleh disingkirkan secara keseluruhan. Berikut adalah senarai faktor risiko utama yang tidak lengkap apabila melabur ke dalam Dana.

- **Risiko Pasaran** – Nilai aset pelaburan Dana mungkin dipengaruhi oleh perubahan asas-asas ekonomi, pergerakan kadar faedah, dasar pengawalseliaan, keadaan politik dan pembangunan industri. Faktor-faktor pasaran ini boleh menyebabkan turun-naik nilai aset pelaburan dana. Risiko ini mungkin boleh dikurangkan dengan penilaian berkala dan rapi terhadap faktor-faktor makroekonomi dan strategi pengalihan aset.
- **Risiko Kadar Faedah** – Risiko kadar faedah timbul apabila nilai instrumen hutang turun-naik disebabkan oleh pergerakan kadar faedah. Apabila kadar faedah meningkat, harga instrumen hutang pada umumnya menurun dan ini dapat menurunkan nilai pasaran pelaburan. Sebaliknya, mungkin berlaku apabila kadar faedah menurun. Instrumen hutang dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar kupon yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap perubahan kadar faedah. Risiko ini dapat dikurangkan dengan penilaian berkala dan rapi mengenai strategi pengalihan aset dan jangka masa.

- **Risiko Pelaburan Negara/Pelaburan Asing** – Risiko ini merujuk kepada risiko pelaburan dalam pasaran asing. Nilai aset pelaburan asing yang dimiliki oleh Dana adalah secara langsung ataupun tidak langsung dipengaruhi oleh faktor-faktor khusus sesebuah negara, seperti asas ekonomi negara, kestabilan sosial dan politik dan dasar pengawalseliaan. Risiko ini mungkin boleh dikurangkan dengan penilaian berkala dan rapi terhadap faktor-faktor makroekonomi, sosio-politik dan kawal selia serta mengguna pakai strategi pengagihan aset yang sesuai.
- **Risiko Mata Wang** – Bagi pelaburan asing, turun-naik dalam kadar pertukaran mata wang mungkin mempengaruhi nilai aset pelaburan dalam Dana. Risiko ini mungkin boleh diuruskan melalui penglibatan dalam lindungan nilai pertukaran mata wang asing.
- **Risiko Sektor** – Nilai aset pelaburan Dana mungkin terjejas teruk oleh perubahan dalam faktor-faktor khusus sektor tertentu, seperti keadaan perniagaan, pandangan industri dan permintaan / pembekalan industri yang dinamik ini. Risiko ini mungkin boleh diuruskan melalui kepelbagaian portfolio dan kawalan terhadap risiko penumpuan sektor.
- **Risiko Khusus Syarikat** – Nilai aset sekuriti mungkin dipengaruhi oleh faktor khusus syarikat, beberapa di antaranya termasuk situasi perniagaan yang tidak menentu, keadaan kewangan yang buruk dan tadbir urus korporat yang lemah. Risiko ini boleh dibendung melalui kepelbagaian portfolio yang sesuai, pemilihan pelaburan berhemat dan kawalan yang lebih baik terhadap risiko kemampuan pelaburan.
- **Risiko Kredit dan Lalai** – Ini berkaitan dengan kebolehpercayaan kredit penerbit instrument hutang dan pasaran wang serta kemampuan mereka tentang pembayaran faedah dan wang pokok tepat pada masanya. Sebarang situasi buruk yang dihadapi oleh penerbit boleh mempengaruhi nilai dana serta kecairan instrumen hutang atau instrumen pasaran wang. Risiko ini diuruskan melalui kepelbagaian portfolio yang sesuai, pemilihan kredit yang ketat dan kawalan terhadap sektor serta risiko penumpuan kredit.
- **Risiko Kecairan** – Sekiranya aset tidak mempunyai kecairan yang secukupnya, terdapat risiko bahawa aset berkenaan tidak dapat dijual atau hanya boleh dijual dengan harga diskaun yang ketara berbanding dengan harga pembelian. Kepelbagaian portfolio yang sesuai, kawalan terhadap had penumpuan pelaburan dengan mengambil kira batasan kecairan dan tinjauan berkala dapat membantu mengurangkan risiko tersebut.

## 10. Pasaran Sasaran

Dana ini adalah sesuai untuk pelabur yang

- mempunyai toleransi risiko rendah dan mahu potensi pulangan yang lebih tinggi daripada deposit tetap;
- mahu mempelbagaikan keseluruhan portfolio pelaburan mereka termasuk bon sebagai suatu kelas aset; dan
- untuk pelaburan jangka sederhana hingga panjang.

## 11. Prestasi Dana dan Tanda Aras Prestasi

Prestasi Dana dahulu bukan petunjuk prestasi masa depan dan prestasi Dana adalah tidak dijamin.

Sejarah kadar kredit tahunan bersih sebenar Dana Universal Life Allianz III dengan tanda aras terpilih adalah:

Tahun	Kadar Kredit Bersih Tahunan*	Tanda Aras
2017	2.49%	2.33%
2018	4.56%	3.33%
2019	10.88%	3.20%
2020	5.75%	2.22%
2021	-1.66%	1.85%
2022	0.20%	1.85%
2023	5.63%	2.85%

\* Selepas penolakan cukai kerajaan, caj transaksi, caj kustodian dan Caj Pengurusan Dana.

Sejarah kadar kredit bersih tahunan sebenar ini tidak mengambil kira sebarang caj lain yang mungkin dikenakan.

Ia adalah sesungguhnya prestasi dana pelaburan universal life dan bukan pulangan yang diperolehi daripada premium sebenar yang dibayar untuk produk universal life.

Asas pengiraan prestasi masa lalu adalah seperti berikut:

### Metodologi Kadar Kredit

Dana Universal Life Allianz III, terdiri daripada Nilai Akaun setiap pemegang polisi Dana Universal Life Allianz III.

Kadar Kredit adalah tidak terjamin dan bergantung pada keputusan pelaburan. Kadar kredit akan dikreditkan kepada Akaun 1 Polisi dan Akaun 2 Polisi (jika ada) satu kali setiap bulan dan kaedah-kaedah seperti berikut hendaklah terpakai:

Nilai Akaun setiap pemegang polisi hendaklah dikira sebagai jumlah daripada:

- Nilai Akaun pada akhir bulan kalendar yang sebelumnya;
- Premium diperuntukkan yang diterima sepanjang bulan kalendar tersebut (sekiranya ada); dan
- Pendapatan terkumpul atau yang telah dikreditkan kepada Nilai Akaun sepanjang bulan kalendar tersebut (sekiranya ada); tolak potongan untuk Kos Insurans (sekiranya ada) dan Yuran Polisi (sekiranya ada) yang perlu bayar pada setiap ulang bulan dan tolak Bayaran Pendapatan Persaraan Terjamin (sekiranya ada) yang perlu dibayar pada setiap ulang bulan.

*Allianz Life berhak untuk menentukan kadar kredit dan kekerapan kadar kredit tersebut mengikut terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini dan tertakluk kepada kawalan selia yang terpakai.*

Kadar kredit bulanan bersih (selepas penolakan cukai kerajaan, caj transaksi, caj kustodian dan Caj Pengurusan Dana) akan dikreditkan kepada setiap Nilai Akaun individu berdasarkan purata harian Nilai Akaun individu dalam bulan kalendar tersebut.

Kadar kredit dan amaunnya akan ditentukan selepas penutupan hujung bulan dan diperuntukkan kepada pemegang polisi dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh transaksi.

## 12. Penyata kepada Pemegang Polisi

Penyata tahunan akan dihantar kepada pemegang polisi sekurang-kurangnya sekali setahun yang menyatakan baki Nilai Akaun, kadar kredit dan Caj Pengurusan Dana.